# D.R. 4/2009

# RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2009

## SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN


Fasal

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN FUNGSI SURUHANJAYA

3. Penubuhan Suruhanjaya
4. Fungsi Suruhanjaya
5. Keanggotaan Suruhanjaya
6. Saraan
7. Tempoh jawatan
8. Pengosongan jawatan
9. Mesyuarat Suruhanjaya
10. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
11. Penzahiran kepentingan
12. Penjalanan fungsi dan kuasa Suruhanjaya oleh Pesuruhjaya

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN

13. Setiausaha
14. Pegawai dan kakitangan Suruhanjaya
15. Perunding
16. Jawatankuasa Aduan

Fasal

17. Pasukan Petugas
18. Jawatankuasa lain
19. Kad kuasa
20. Penggunaan kakitangan, kemudahan atau perkhidmatan
21. Kerjasama dengan agensi lain

## Bahagian IV

### PENGURUSAN ADUAN

22. Kuasa am Suruhanjaya mengenai pengurusan aduan
23. Aduan salah laku
24. Ruang lingkup salah laku
25. Penyiasatan awal
26. Dapatan Jawatankuasa Aduan
27. Tindakan oleh Suruhanjaya selepas dapatan Jawatankuasa Aduan
28. Suruhanjaya boleh memulakan penyiasatan atas inisiatif sendiri
29. Larangan mengenai dua penyiasatan
30. Dapatan Suruhanjaya selepas penyiasatan

## Bahagian V

### KUASA PENYIASATAN

31. Kuasa Suruhanjaya yang berhubungan dengan penyiasatan
32. Kuasa untuk mendapatkan dokumen atau benda lain
33. Obligasi di sisi undang-undang untuk memberikan maklumat
34. Pendengaran
35. Pendengaran awam dan tertutup
36. Hak orang berkepentingan untuk hadir
37. Wakil undang-undang
38. Perneriksaan saksi
39. Dokumen, jawapan, dsb. yang terlindung
40. Kuasa untuk menggeledah dengan waran
41. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran

Fasal

42. Senarai benda yang disita
43. Pelepasan kenderaan, dsb., yang disita

BAHAGIAN VI

**KESALAHAN**

44. Ugutan terhadap saksi
45. Penghinaan

BAHAGIAN VII

AM

46. Dana
47. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980
48. Laporan tahunan
49. Perlindungan Pesuruhjaya, pegawai dan kakitangan Suruhanjaya
50. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
51. Pekhidmat awam
52. Obligasi kerahsiaan
53. Permulaan dan penjalanan pendakwaan
54. Peraturan-peraturan
55. Kuasa Perdana Menteri untuk meminda Jadual

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

***b e r n a m a***

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan kuasanya dan mengenai perkara lain yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Bahagian I

**PERMULAAN**

**Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam ***Warta.***

(3) Akta ini terpakai bagi aduan yang dibuat atau dirujukkan kepada Suruhanjaya berkenaan dengan salah laku yang berlaku pada atau selepas permulaan kuat kuasa Akta ini.

(4) Akta ini hendaklah terpakai bagi agensi penguatkuasaan yang ditetapkan oleh Perdana Menteri dalam Jadual.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), Akta ini tidak terpakai bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*].

**Tafsiran**

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"agensi penguatkuasaan" ertinya—

(a) mana-mana Kementerian, Jabatan, Agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, termasuklah suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi Kementerian, Jabatan, Agensi atau badan itu, yang diberikan fungsi penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penguatkuasaan;

(b) suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan yang diberikan fungsi penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau

(c) suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan yang mempunyai fungsi penguatkuasaan;

"Jawatankuasa Aduan" ertinya Jawatankuasa Aduan yang ditubuhkan di bawah seksyen 16;

"kesalahan tatatertib" termasuklah apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang membentuk atau boleh membentuk alasan bagi tindakan tatatertib di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

"Pasukan Petugas" ertinya suatu Pasukan Petugas yang ditubuhkan di bawah seksyen 17;

"pegawai penguat kuasa" ertinya seorang pegawai—

(a) sesuatu agensi penguatkuasaan; atau

*(b)* perkhidmatan bersama yang ditubuhkan di bawah Perkara 133 Perlembagaan Persekutuan yang melaksanakan fungsi penguatkuasaan;

"Pesuruhjaya" ertinya Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Pesuruhjaya lain yang dilantik di bawah seksyen 5;

"Pihak Berkuasa Tatatertib", berhubung dengan seseorang pegawai penguat kuasa dalam—

(a) suatu Kementerian Persekutuan, ertinya Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah Bahagian X Perlembagaan Persekutuan tetapi tidak termasuk Majlis Angkatan Tentera yang ditubuhkan di bawah Perkara 137 Perlembagaan Persekutuan;

(b) suatu badan berkanun Persekutuan, ertinya Pihak Berkuasa Tatatertib yang ditubuhkan—

(i) di bawah undang-undang Persekutuan yang sedang berkuat kuasa berhubung dengan tatatertib, dan pengenaan surcaj ke atas, pegawai badan berkanun; atau

(ii) oleh mana-mana undang-undang yang dengannya badan berkanun itu diperbadankan; atau

*(c)* suatu perkhidmatan bersama menurut Perkara 133 Perlembagaan Persekutuan, ertinya Pihak Berkuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan;

"salah laku" ertinya apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang dinyatakan dalam seksyen 24;

"Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3.

## BAHAGIAN II

### PENUBUHAN DAN FUNGSI SURUHANJAYA

**Penubuhan Suruhanjaya**

**3.** (1) Suatu pertubuhan perbadanan bernama Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ditubuhkan.

(2) Suruhanjaya adalah kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(3) Suruhanjaya boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Suruhanjaya boleh, atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya—

(a) membuat kontrak;

*(b)* memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan

(c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Suruhanjaya.

**Fungsi Suruhanjaya**

4. (1) Fungsi Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

*(a)* menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian;

*(b)* merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa;

(c) melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguat kuasa;

*(d)* mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;

*(e)* menggalakkan kesedaran tentang, penambahbaikan mengenai, dan pendidikan berhubung dengan, integriti di dalam sesuatu agensi penguatkuasaan dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;

(f) membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;

(*g*) mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa syor yang perlu berhubung dengannya; dan

(*h*) membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan, termasuk melawat balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan membuat apa-apa syor yang perlu yang berhubungan dengannya.

(2) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya.

**Keanggotaan Suruhanjaya**

5. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik tidak lebih daripada tujuh Pesuruhjaya, yang daripadanya hendaklah ada seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi, bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan.

(2) Tiada seorang pun boleh layak dilantik sebagai Pesuruhjaya jika dia ialah atau pernah menjadi seorang pegawai penguat kuasa.

(3) Pelantikan Pesuruhjaya di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**Saraan**

**6.** Seseorang Pesuruhjaya hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

**Tempoh jawatan**

7. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang Pesuruhjaya memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, tetapi dia layak untuk dilantik semula.

(2) Seseorang tidak boleh memegang jawatan Pesuruhjaya melebihi dua tempoh yang berturut-turut.

(3) Seseorang Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan surat yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong.

(4) Pelantikan seseorang Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

**Pengosongan jawatan**

**8.** Jawatan seseorang Pesuruhjaya hendaklah menjadi kosong jika—

(a) dia mati;

(b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan yang berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;

*(c)* dia menjadi bankrap;

(d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;

(e) dia tidak menghadiri mesyuarat Suruhanjaya tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;

*(f)* peletakan jawatannya telah diterima oleh Yang di-Pertuan Agong;

(g) pelantikannya telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong; atau

*(h)* tempoh pelantikannya telah tamat.

**Mesyuarat Suruhanjaya**

**9.** (1) Suruhanjaya hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu untuk melaksanakan fungsinya.

(2) Pengerusi Suruhanjaya hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Suruhanjaya.

(3) Kuorum Suruhanjaya ialah empat orang.

(4) Tiap-tiap Pesuruhjaya yang hadir berhak mendapat satu undi dan jika mengenai sesuatu persoalan untuk ditentukan oleh Suruhanjaya terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Suruhanjaya hendaklah menentukan perjalanan prosidingnya sendiri.

(6) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(7) Suruhanjaya boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak mengundi dalam mesyuarat itu atau hadir semasa sesuatu keputusan dibuat.

**Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

**10.** Walau apa pun subseksyen 9(2), jika Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsinya kerana apa-apa sebab, atau dalam apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, atau jika dia tidak ada, mana-mana Pesuruhjaya yang dilantik oleh Pesuruhjaya yang lain, hendaklah melaksanakan fungsi Pengerusi.

**Penzahiran kepentingan**

**11.** Seseorang Pesuruhjaya yang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mempunyai sendiri, melalui anggota keluarganya atau sekutunya, apa-apa kepentingan mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Suruhanjaya atau mengenai apa-apa

prosiding atau pendengaran di hadapan Suruhanjaya, hendaklah menzahirkan hakikat dan jenis kepentingannya kepada Suruhanjaya dan penzahiran sedemikian hendaklah direkodkan dalam minit atau nota prosiding atau pendengaran dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, Pesuruhjaya itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan, prosiding atau pendengaran, atau semasa Suruhanjaya membuat apa-apa keputusan berhubung dengan perkara itu.

### Penjalanan fungsi dan kuasa Suruhanjaya oleh Pesuruhjaya

**12.** Fungsi dan kuasa Suruhanjaya boleh dijalankan oleh seseorang Pesuruhjaya melainkan jika Suruhanjaya menentukan selainnya.

## BAHAGIAN III

## PENTADBIRAN

### Setiausaha

**13.** (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai seorang Setiausaha yang hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Suruhanjaya.

(2) Setiausaha hendaklah dilantik oleh Suruhanjaya.

(3) Setiausaha hendaklah dilantik atas apa-apa terma dan syarat dan hendaklah mempunyai apa-apa fungsi yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

### Pegawai dan kakitangan Suruhanjaya

**14.** (1) Maka hendaklah dilantik apa-apa bilangan pegawai dan kakitangan Suruhanjaya yang perlu untuk membantu Suruhanjaya dalam menunaikan fungsinya dengan berkesan dan efisien dan bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Suruhanjaya boleh melantik mana-mana pegawai daripada mana-mana agensi penguatkuasaan atas dasar peminjaman sebagai penyiasatnya.

(3) Suruhanjaya boleh melantik apa-apa bilangan pegawai undang-undang yang perlu yang hendaklah dipinjam dari kalangan pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau dilantik dari kalangan peguam bela dan peguam cara untuk membantu Suruhanjaya.

(4) Seseorang pegawai Suruhanjaya yang, secara langsung atau tidak langsung, mempunyai sendiri, melalui anggota keluarganya atau sekutunya, apa-apa kepentingan mengenai atau kaitan dengan seseorang pegawai penguat kuasa yang sedang disiasat oleh Suruhanjaya hendaklah menzahirkan kepentingan atau kaitannya dengan serta-merta kepada seorang Pesuruhjaya dan tidak boleh terlibat dalam apa-apa penyiasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya berkenaan dengan pegawai penguat kuasa itu.

(5) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan kakitangannya.

**Perunding**

15. (1) Suruhanjaya boleh mengambil khidmat orang, termasuk pesara dan bekas anggota agensi penguatkuasaan, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya, sebagai perunding atau untuk melaksanakan apa-apa perkhidmatan yang difikirkannya sesuai.

(2) Seseorang yang diambil khidmat di bawah subseksyen (1) yang, secara langsung atau tidak langsung, mempunyai sendiri, melalui anggota keluarganya atau sekutunya, apa-apa kepentingan mengenai atau kaitan dengan seseorang pegawai penguat kuasa yang sedang disiasat oleh Suruhanjaya hendaklah menzahirkan kepentingan atau kaitannya dengan serta-merta kepada seorang Pesuruhjaya dan tidak boleh terlibat dalam apa-apa penyiasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya berkenaan dengan pegawai penguat kuasa itu.

**Jawatankuasa Aduan**

16. (1) Suruhanjaya hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Aduan yang hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan pegawai Suruhanjaya yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Suruhanjaya.

(2) Jawatankuasa Aduan hendaklah mempunyai kewajipan dan tanggungjawab yang berikut:

*(a)* menerima aduan salah laku daripada mana-mana orang kepada Suruhanjaya;

(b) menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar mengenai semua aduan yang diterima oleh Suruhanjaya;

(c) menilai aduan mengikut seksyen 23;

*(d)* menentukan jenis salah laku;

*(e)* menjalankan apa-apa penyiasatan awal mengenai aduan di bawah seksyen 25; dan

(f) memaklumkan pengadu mengenai status aduannya dan tindakan yang telah diambil selepas Suruhanjaya telah membuat dapatannya.

**Pasukan Petugas**

**17.** (1) Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa bilangan Pasukan Petugas yang difikirkannya perlu untuk membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsinya dengan berkesan dan efisien di bawah Akta ini.

(2) Anggota Pasukan Petugas boleh terdiri daripada pegawai Suruhanjaya dan perunding yang diambil khidmat di bawah seksyen 15.

(3) Pasukan Petugas hendaklah melaksanakan apa-apa fungsi dan tugas yang diberikan kepada Pasukan Petugas itu di bawah Akta ini.

(4) Anggota Pasukan Petugas hendaklah mempunyai semua kuasa penyiasatan sebagaimana yang terkandung dalam Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] dan kuasa sedemikian hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan tidak mengurangkan kuasanya di bawah Akta ini.

(5) Suruhanjaya boleh menubuhkan pasukan petugas bersama dengan mana-mana pihak berkuasa lain jika difikirkannya perlu.

**Jawatankuasa lain**

**18.** Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa lain sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

**Kad kuasa**

19. (1) Suatu perakuan pelantikan dalam bentuk kad kuasa hendaklah dikeluarkan kepada Pesuruhjaya, ketua pegawai eksekutif, pegawai Suruhanjaya yang lain dan anggota Pasukan Petugas, dan kad kuasa sedemikian hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Suruhanjaya.

(2) Pesuruhjaya, ketua pegawai eksekutif, pegawai Suruhanjaya yang lain atau anggota Pasukan Petugas yang bertindak di bawah Akta ini hendaklah, apabila diminta, mengisytiharkan jawatannya dan menunjukkan kad kuasa yang telah dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1) kepada orang yang terhadapnya dia bertindak atau orang yang daripadanya dia meminta apa-apa maklumat.

**Penggunaan kakitangan, kemudahan atau perkhidmatan**

**20.** (1) Suruhanjaya boleh membuat perkiraan bagi penggunaan perkhidmatan—

(*a*) mana-mana kakitangan atau kemudahan sesuatu jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan atau berkanun; atau

(b) mana-mana pegawai penguat kuasa untuk bekerjasama dengan, atau membantu, sesuatu Pasukan Petugas dalam menjalankan tugasnya, atau untuk membantu Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan atau berkanun atau pegawai penguat kuasa yang disebut dalam subseksyen (I) adalah berkewajipan untuk mematuhi seksyen ini.

**Kerjasama dengan agensi lain**

21. (1) Dalam melaksanakan fungsi penyiasatannya, Suruhanjaya boleh bekerjasama dengan mana-mana agensi penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang yang lain dan mana-mana jabatan kerajaan Negeri atau Persekutuan atau orang lain yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.

(2) Dalam melaksanakan fungsi lainnya yang berkaitan, Suruhanjaya boleh bekerjasama dengan institusi pendidikan dan mana-mana orang lain yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya boleh berunding dengan dan menyebarkan risikan dan maklumat kepada mana-mana agensi penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang yang lain dan mana-mana orang lain, termasuk mana-mana pasukan petugas, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.

(4) Jika Suruhanjaya menyebarkan risikan atau maklumat kepada mana-mana agensi atau orang di bawah seksyen ini atas fahaman bahawa risikan atau maklumat itu adalah rahsia, agensi atau orang itu adalah tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan berhubung dengan risikan atau maklumat itu.

## Bahagian IV

## PENGURUSAN ADUAN

**Kuasa am Suruhanjaya mengenai pengurusan aduan**

22. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat apa-apa aduan salah laku yang diterimanya daripada orang ramai atau yang dirujukkan kepadanya oleh mana-mana orang.

(2) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk merujukkan apa-apa aduan salah laku yang diterimanya atau yang dirujukkan kepadanya di bawah subseksyen (1) yang bersifat tatatertib kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan.

(3) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk merujukkan apa-apa aduan salah laku yang diterimanya atau yang dirujukkan kepadanya di bawah subseksyen (1) yang bersifat jenayah kepada Pendakwa Raya.

**Aduan salah laku**

23. (1) Mana-mana orang boleh membuat atau merujukkan sesuatu aduan salah laku terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan atau seseorang pegawai penguat kuasa kepada Suruhanjaya.

(2) Sesuatu aduan hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah termasuk yang berikut:

(a) butir-butir pengadu;

(b) butir-butir pegawai penguat kuasa, jika boleh dikenal pasti, yang tindakan yang diambil atau tidak diambilnya menjadi asas aduan itu, atau jika tidak boleh dikenal pasti, suatu perihalan atau apa-apa butir lain yang mencukupi bagi membolehkannya dikenal pasti;

(c) butir-butir mengenai salah laku yang diadukan, termasuklah tarikh dan tempat berlakunya salah laku itu;

(d) butir-butir orang yang terjejas oleh tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa itu, jika orang itu bukan pengadu;

(e) butir-butir mana-mana orang lain yang hadir semasa atau terlibat dalam tindakan yang diambil atau tidak diambil yang diadukan itu, jika ada; dan

*(f)* apa-apa perincian lain, termasuklah gambar foto dan dokumen, yang difikirkan patut atau perlu oleh pengadu untuk dimasukkan dalam aduan itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), sesuatu aduan tidak boleh ditolak kerana ketiadaan mana-mana butir atau perincian yang dinyatakan dalam perenggan (2)*(a)* hingga (f) melainkan jika aduan itu menjadi mustahil atau tidak mungkin dapat dinilaikan tanpa butir atau perincian sedemikian.

(4) Jawatankuasa Aduan hendaklah dengan segera merekodkan semua aduan yang diterima oleh Suruhanjaya dalam Daftar Aduan dan menilai aduan itu tentang sama ada—

(a) kelakuan yang diadukan itu termasuk dalam ruang lingkup salah laku yang dinyatakan dalam seksyen 24;

(b) aduan itu bersifat remeh, menyusahkan atau tidak dibuat dengan suci hati;

(*c*) hal perkara aduan itu kecil;

(*d*) salah laku yang diadukan telah berlaku terlalu lama dahulu untuk mewajarkan suatu penyiasatan dijalankan;

(e) terdapat atau telah tersedia ada suatu cara tebus rugi alternatif dan memuaskan bagi pengadu; dan

(f) hal perkara aduan itu telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah atau menjadi hal perkara apa-apa prosiding yang belum selesai di mana-mana mahkamah, termasuklah apa-apa prosiding rayuan.

**Ruang lingkup salah laku**

24. (1) Suruhanjaya boleh menerima, atau dirujukkan, aduan mengenai yang berikut:

(*a*) apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis;

(b) apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa yang, pada pendapat Suruhanjaya, adalah tidak munasabah, tidak adil, menindas atau berdiskriminasi secara tidak wajar;

(*c*) apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa yang, pada pendapat Suruhanjaya, dilakukan atas motif yang tidak wajar, alasan yang tidak berkaitan atau pertimbangan yang tidak berkaitan;

(*d*) apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa yang berdasarkan kesilapan undang-undang atau fakta;

(e) apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa yang alasan patut diberikan tetapi tidak diberikan;

(f) kegagalan pegawai penguat kuasa untuk mengikuti kaedah-kaedah dan tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang atau oleh pihak berkuasa yang berkenaan; dan

(*g*) perlakuan apa-apa kesalahan jenayah oleh pegawai penguat kuasa.

(2) Salah laku pegawai penguat kuasa boleh disiasat oleh Suruhanjaya walaupun—

*(b)* tindakan yang diambil atau tidak diarnbil itu turut melibatkan orang yang bukan pegawai penguat kuasa; atau

(c) tindakan yang diambil atau tidak diambil itu berlaku semasa pegawai penguat kuasa itu tidak bertugas secara rasmi.

**Penyiasatan awal**

**25.** Sesuatu penyiasatan awal boleh djjalankan oleh Jawatankuasa Aduan bagi maksud mendapatkan maklumat lanjut supaya dapat menentukan—

*(a)* jenis salah laku yang diadukan itu; dan

*(b)* sama ada Suruhanjaya patut meneruskan suatu penyiasatan sepenuhnya mengenai aduan itu.

**Dapatan Jawatankuasa Aduan**

**26.** (1) Jika Jawatankuasa Aduan berpuas hati bahawa suatu kesalahan tatatertib dizahirkan dan bahawa aduan itu lebih baik diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan, Jawatankuasa Aduan hendaklah dengan segera membuat suatu laporan kepada Suruhanjaya mengenai aduan itu berserta dengan syor untuk merujukkan aduan itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan untuk pertimbangan Suruhanjaya.

(2) Jika Jawatankuasa Aduan berpuas hati bahawa suatu kesalahan di bawah Bahagian IV Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dizahirkan, Jawatankuasa Aduan hendaklah dengan segera membuat suatu laporan kepada Suruhanjaya mengenai aduan itu berserta dengan syor untuk merujukkan aduan itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk pertimbangan Suruhanjaya.

(3) Jika Jawatankuasa Aduan berpuas hati bahawa suatu salah laku yang dinyatakan dalam seksyen 24 dizahirkan dan bahawa terdapat asas bagi Suruhanjaya memulakan suatu penyiasatan sepenuhnya, Jawatankuasa Aduan hendaklah dengan segera membuat suatu laporan kepada Suruhanjaya mengenai aduan itu berserta dengan syor supaya Suruhanjaya memulakan penyiasatan sepenuhnya mengenai salah laku itu untuk pertimbangan Suruhanjaya.

(4) Jika Jawatankuasa Aduan berpuas hati bahawa—

(a) aduan itu tidak termasuk dalam ruang lingkup salah laku yang dinyatakan dalam seksyen 24;

(b) aduan itu bersifat remeh atau menyusahkan, atau bahawa aduan itu tidak dibuat dengan suci hati;

(c) hal perkara aduan itu kecil;

*(d)* salah laku yang diadukan itu telah berlaku terlalu lama dahulu untuk mewajarkan suatu penyiasatan dijalankan;

*(e)* terdapat atau telah tersedia ada suatu cara tebus rugi alternatif dan memuaskan bagi pengadu; atau

*(f)* hal perkara aduan itu telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah atau menjadi hal perkara apa-apa prosiding yang belum selesai di mana-mana mahkamah, termasuklah apa-apa prosiding rayuan,

maka Jawatankuasa Aduan hendaklah membuat suatu laporan kepada Suruhanjaya mengenai aduan itu dan dapatannya, termasuk alasan bagi dapatannya, dan membuat syor supaya Suruhanjaya menolak aduan itu.

**Tindakan oleh Suruhanjaya selepas dapatan Jawatankuasa Aduan**

27. (1) Jika Suruhanjaya, selepas menimbangkan laporan dan syor Jawatankuasa Aduan di bawah subseksyen 26(1), bersetuju dengan syor Jawatankuasa Aduan itu dan Suruhanjaya tidak berhasrat memulakan penyiasatan sepenuhnya mengenai aduan itu, Suruhanjaya hendaklah merujukkan aduan itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan untuk tindakannya.

(2) Jika Suruhanjaya, selepas menimbangkan laporan dan syor Jawatankuasa Aduan di bawah subseksyen 26(2), bersetuju dengan syor Jawatankuasa Aduan itu, Suruhanjaya hendaklah merujukkan aduan itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk tindakannya.

(3) Jika Suruhanjaya telah merujukkan suatu aduan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan di bawah subseksyen (1) atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di bawah subseksyen (2) untuk tindakan, Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, mengikut mana-

mana yang berkenaan, hendaklah menjalankan penyiasatannya sendiri dan menyampaikan dapatannya kepada Suruhanjaya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan aduan itu daripada Suruhanjaya.

(4) Jika Suruhanjaya, selepas menimbangkan laporan dan syor Jawatankuasa Aduan di bawah subseksyen 26(3), bersetuju dengan syor Jawatankuasa Aduan itu dan berpendapat bahawa Suruhanjaya patut memulakan penyiasatan sepenuhnya mengenai aduan itu, Suruhanjaya hendaklah memaklumkan—

(a) dalam hal jika aduan salah laku itu bersifat tatatertib, Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan; atau

(b) dalam hal jika aduan salah laku itu bersifat jenayah, agensi penguatkuasaan yang berkaitan dan Pendakwa Raya,

dan memulakan penyiasatan mengenai aduan itu di bawah Akta ini.

(5) Jika Suruhanjaya, selepas menimbangkan laporan, dapatan dan syor Jawatankuasa Aduan di bawah subseksyen 26(4), bersetuju dengan dapatan dan syor Jawatankuasa Aduan itu dan Suruhanjaya tidak berhasrat untuk menyiasat aduan itu, Suruhanjaya hendaklah menolak aduan itu.

(6) Jika Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan laporan dan syor atau dapatan Jawatankuasa Aduan di bawah subseksyen 26(1), (2), (3) atau (4), Suruhanjaya hendaklah mengarahkan Pasukan Petugas untuk membuat penyiasatan lanjut mengenai aduan itu.

(7) Pasukan Petugas hendaklah melaporkan dapatan penyiasatannya kepada Suruhanjaya dalam masa empat belas hari bagi keputusan muktamad Suruhanjaya.

(8) Suruhanjaya hendaklah memaklumkan pengadu tentang tindakan yang diambil di bawah seksyen ini.

**Suruhanjaya boleh memulakan penyiasatan atas inisiatif sendiri**

28. Tanpa menjejaskan seksyen 27, Suruhanjaya boleh memulakan sesuatu penyiasatan berkenaan dengan sesuatu salah laku yang diketahuinya atas inisiatifnya sendiri hanya jika Suruhanjaya berpuas

hati bahawa perkara itu mempunyai kepentingan yang signifikan kepada orang ramai atau bahawa adalah demi kepentingan awam untuk berbuat sedemikian.

**Larangan mengenai dua penyiasatan**

29. Apabila dimaklumkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 27(4) bahawa Suruhanjaya sedang menyiasat sesuatu aduan salah laku yang bersifat tatatertib atau bersifat jenayah, Pihak Berkuasa Tatatertib itu atau agensi penguatkuasaan yang berkaitan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan—

*(a)* tidak boleh menjalankan apa-apa prosiding tatatertib atau penyiasatan berkenaan dengan hal perkara yang sama dengan hal perkara aduan salah laku itu; atau

(b) jika sesuatu aduan berkenaan dengan hal perkara yang sama telah dibuat atau dirujukkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib itu atau kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan oleh mana-mana orang lain dan Pihak Berkuasa Tatatertib atau agensi penguatkuasaan itu sedang menjalankan prosiding tatatertib atau penyiasatan berkenaan dengan aduan itu terhadap pegawai penguat kuasa yang berkenaan, hendaklah dengan segera memberhentikan prosiding tatatertibnya atau penyiasatannya berkenaan dengan aduan itu.

**Dapatan Suruhanjaya selepas penyiasatan**

**30.** (1) Jika Suruhanjaya telah selesai membuat penyiasatannya berkenaan dengan apa-apa aduan salah laku di bawah Akta ini dan mendapati bahawa—

(a) salah laku yang diadukan itu tidak disahkan, Suruhanjaya hendaklah merekodkan dapatannya dan memaklumkan pengadu;

(b) salah laku itu merupakan suatu kesalahan tatatertib, Suruhanjaya hendaklah merekodkan dapatannya dan membuat suatu syor tentang hukuman yang patut dikenakan ke atas pegawai penguat kuasa yang berkenaan itu dan merujukkan perkara itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan untuk tindakannya; atau

*(c)* salah laku itu merupakan suatu kesalahan jenayah, Suruhanjaya hendaklah merekodkan dapatannya dan mengumpulkan laporan dan kertas penyiasatannya dan merujukkan perkara itu kepada Pendakwa Raya.

*(2)* Jika Suruhanjaya telah merujukkan sesuatu perkara kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan di bawah perenggan (1)*(b),* Pihak Berkuasa Tatatertib itu hendaklah memaklurnkan Suruhanjaya mengenai tindakannya dan alasan mengenai keputusannya dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan dapatan dan syor itu.

*(3)* Jika Suruhanjaya telah merujukkan sesuatu perkara kepada Pendakwa Raya di bawah perenggan (1)*(c),* Pendakwa Raya hendaklah menyampaikan keputusannya kepada Suruhanjaya dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan dapatan, laporan dan kertas penyiasatan itu.

(4) Jika sesuatu pertuduhan dibuat oleh Pendakwa Raya, apa-apa keterangan yang didapati oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini boleh, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, digunakan bagi maksud prosiding jenayah.

(5) Suruhanjaya hendaklah mengumumkan dapatannya kepada orang ramai dan memaklumkan pengadu mengenai dapatannya dan apa-apa tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tatatertib atau Pendakwa Raya di bawah seksyen ini.

## Bahagian V

### KUASA PENYIASATAN

**Kuasa Suruhanjaya yang berhubungan dengan penyiasatan**

**31.** (1) Suruhanjaya hendaklah, bagi maksud sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini, mempunyai kuasa—

*(a)* mengadakan pendengaran jika didapati perlu atau wajar oleh Suruhanjaya untuk berbuat demikian;

(b) mendapatkan dan menerima semua keterangan, sama ada bertulis atau lisan, dan memeriksa semua orang sebagai saksi sebagaimana yang didapati perlu atau wajar oleh Suruhanjaya untuk didapatkan atau diperiksa;

*(c)* menghendaki keterangan mana-mana saksi, sama ada bertulis atau lisan, dibuat atas sumpah atau ikrar (sumpah atau ikrar sedemikian hendaklah seperti sumpah atau ikrar yang boleh dikehendaki daripada saksi itu jika dia memberikan keterangan dalam mahkamah undang-undang) atau melalui akuan berkanun;

(d) memanggil mana-mana orang yang bermastautin di Malaysia untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pendengaran Suruhanjaya untuk memberikan keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam milikannya;

*(e)* mengeluarkan waran penangkapan untuk memaksa kehadiran mana-mana orang yang, selepas dipanggil untuk hadir, tidak berbuat sedemikian dan tidak memberikan alasan bagi ketidakhadiran itu dengan memuaskan Suruhanjaya, dan memerintahkan orang itu supaya membayar semua kos yang mungkin telah ditanggung semasa memaksa kehadirannya atau oleh sebab keengganannya mematuhi saman itu, dan juga untuk mendenda orang itu suatu jumlah yang tidak melebihi lima ribu ringgit;

*(f)* mengenakan denda yang jumlahnya tidak melebihi lima ribu ringgit ke atas mana-mana orang yang, apabila dikehendaki oleh Suruhanjaya untuk memberikan keterangan atas ikrar atau untuk mengemukakan sesuatu dokumen atau benda lain, enggan berbuat sedemikian dan tidak memberikan alasan bagi keengganannya dengan memuaskan Suruhanjaya;

(g) menerima, walau apa pun apa-apa peruntukan Akta Keterangan 1950 [Akta *56*], apa-apa keterangan, sama ada bertulis atau lisan, yang mungkin tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah;

*(h)* mengaward mana-mana orang yang telah menghadiri mana-mana mesyuarat atau pendengaran Suruhanjaya apa-apa jumlah wang yang pada pendapat Suruhanjaya mungkin telah ditanggung oleh orang itu secara munasabah oleh sebab kehadiran sedemikian; dan

(i) membenarkan atau tidak membenarkan orang ramai untuk menghadiri pendengaran itu atau mana-mana bahagiannya.

(2) Walau apa pun perenggan (1)*(d)*, jika seseorang yang dipanggil itu ialah orang yang sedang ditahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, saman itu hendaklah dikeluarkan mengikut undang-undang yang terpakai berhubung dengan tempat tahanan itu.

**Kuasa untuk mendapatkan dokumen atau benda lain**

32. (1) Bagi maksud sesuatu penyiasatan, Suruhanjaya boleh, melalui notis bertulis yang disampaikan kepada seseorang menghendaki orang itu—

*(a)* hadir, pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu di hadapan Pesuruhjaya atau anggota Pasukan Petugas sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu; dan

(b) mengemukakan apa-apa dokumen atau keterangan, sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Notis itu boleh membuat peruntukan bagi kehendak itu dipuaskan oleh seseorang lain yang bertindak bagi pihak orang yang ke atasnya kehendak itu telah dikenakan.

(3) Seseorang tidak boleh, tanpa alasan yang munasabah, enggan atau tidak mematuhi notis yang disampaikan ke atasnya di bawah seksyen ini.

(4) Seseorang yang, tanpa alasan yang munasabah, tidak mematuhi notis yang disampaikan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Obligasi di sisi undang-undang untuk memberikan maklumat**

**33.** (1) Tertakluk kepada apa-apa had yang diperuntukkan di bawah Akta ini, tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya atau anggota Pasukan Petugas supaya memberikan apa-apa maklumat mengenai apa-apa perkara yang Pesuruhjaya atau anggota Pasukan Petugas itu mempunyai kewajipan untuk menyiasatnya di bawah Akta ini, dan yang orang itu berkuasa memberikannya, hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk memberikan maklumat itu.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Pendengaran**

34. (1) Bagi maksud sesuatu penyiasatan, Suruhanjaya boleh mengadakan pendengaran jika difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Suruhanjaya.

(2) Sesuatu pendengaran hendaklah dipengerusikan oleh apa-apa bilangan Pesuruhjaya yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya berdasarkan kes demi kes.

(3) Seseorang yang hadir di sesuatu pendengaran adalah berhak untuk dimaklumkan mengenai ruang lingkup dan maksud am pendengaran itu, melainkan jika Suruhanjaya berpendapat bahawa untuk menzahirkan maklumat sedemikian akan menjejaskan dengan serius penyiasatan yang berkenaan.

(4) Suruhanjaya boleh dibantu oleh seorang pegawai undang-undang yang dilantik di bawah seksyen 14.

**Pendengaran awam dan tertutup**

35. (1) Semua pendengaran adalah terbuka kepada orang ramai.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), sesuatu pendengaran atau sebahagian daripada pendengaran boleh diadakan secara tertutup jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

*(a)* maklumat atau dokumen yang boleh diberikan, atau perkara yang mungkin berbangkit semasa pendengaran awam atau sebahagian daripada pendengaran itu bersifat rahsia; atau

(b) pendengaran itu atau sebahagian daripada pendengaran itu mengenai sesuatu perkara atau sebahagian daripada sesuatu perkara tidak sesuai bagi pentadbiran wajar Akta ini jika pendengaran atau sebahagian daripada pendengaran itu dibuka kepada orang ramai.

(3) Dalam membuat keputusan ini, Suruhanjaya mempunyai obligasi untuk mengambil kira apa-apa perkara yang didapatinya berkaitan dengan kepentingan awam.

(4) Suruhanjaya boleh memberikan arahan tentang orang yang boleh hadir di sesuatu pendengaran apabila pendengaran itu diadakan secara tertutup, dan tiada seorang pun boleh hadir di pendengaran itu berlanggaran dengan apa-apa arahan sedemikian.

**Hak orang berkepentingan untuk hadir**

**36.** Jika ditunjukkan dengan memuaskan Suruhanjaya bahawa mana-mana orang mempunyai kepentingan substansial dan secara langsung dalam apa-apa hal perkara sesuatu pendengaran, Suruhanjaya boleh membenarkan orang itu hadir di pendengaran itu atau di sebahagian pendengaran itu yang tertentu.

**Wakil undang-undang**

**37.** (1) Suruhanjaya boleh, berhubung dengan sesuatu pendengaran, membenarkan—

*(a)* seseorang yang memberikan keterangan di pendengaran itu; atau

(b) seseorang yang disebut dalam seksyen 36,

diwakili oleh pengamal undang-undang di pendengaran itu atau di sebahagian pendengaran itu yang tertentu.

(2) Suruhanjaya boleh dibantu oleh seorang pegawai undang-undang yang dilantik di bawah seksyen 14 sekiranya difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

**Pemeriksaan saksi**

**38.** (1) Seseorang yang dibenarkan atau dikehendaki hadir di sesuatu pendengaran atau pengamal undang-undangnya boleh, dengan kebenaran Suruhanjaya, memeriksa mana-mana saksi mengenai apa-apa perkara yang didapati berkaitan oleh Suruhanjaya.

(2) Pegawai undang-undang yang dilantik oleh Suruhanjaya untuk membantunya boleh memeriksa mana-mana saksi mengenai apa-apa perkara yang didapati berkaitan oleh Suruhanjaya.

**(3)** Seseorang saksi yang diperiksa di bawah seksyen ini hendaklah mempunyai perlindungan yang sama dan tertakluk kepada liabiliti yang sama seolah-olah diperiksa oleh seorang Pesuruhjaya.

**Dokumen, jawapan, dsb., yang terlindung**

**39.** (1) Seseorang saksi yang dipanggil untuk hadir atau yang hadir di hadapan Suruhanjaya di sesuatu pendengaran tidak boleh enggan—

(a) mengangkat sumpah atau membuat ikrar;

(b) menjawab apa-apa soalan yang berkaitan dengan sesuatu penyiasatan yang ditanyakan kepada saksi itu oleh Pesuruhjaya di pendengaran itu; atau

*(c)* mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang berada dalam jagaan atau kawalan saksi itu yang dikehendaki oleh saman itu atau oleh Pesuruhjaya supaya dikemukakan oleh saksi itu.

